

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Wujud badan khas lindung whistleblower | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 28 Jul 2015 | Language | Malay |
| Circulation | 279,000 | Readership | 837,000 |
| Section | Nasional | Color | Black/white |
| Page No | 3 | ArticleSize | 180 cm ² |
| AdValue | RM 1,551 | PR Value | RM 4,652 |
| | | | |



Wujud badan khas lindung whistleblower

SHAHALAM - Satu Badan Khas bagi melindungi pemberi maklumat atau dikenali sebagai *whistleblower* perlu ditubuhkan bagi membolehkan orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung salah laku berani untuk tampil ke hadapan.

Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, ketika ini masih ramai tidak tahu bagaimana cara untuk mereka salurkan maklumat sekiranya mengenal pasti terdapat salah laku atau kepincangan dalam mana-mana syarikat atau agensi kerajaan.

“Trend *whistleblower* masih baharu di negara ini dan mereka juga dalam dilema kerana mereka tidak yakin bahawa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) mampu melindungi mereka.

“Masih terdapat beberapa kelemahan dalam akta tersebut membuatkan mereka terikat untuk mendedahkan sebarang maklumat. Jadi sekiranya ada badan khas yang dibentuk melindungi mereka, tentu ramai yang berani tampil untuk mendedahkan penyelewengan yang berlaku,” katanya.

Menurut beliau, badan khas itu perlulah disertai mereka yang benar-benar bebas tidak terikat dengan kerajaan atau menyebelahi pembangkang.

Katanya, ketika ini mekanisme untuk pemberi maklumat masih kurang jelas sehingga ada yang tidak peka tentang kewujudan akta tersebut.

Jelas beliau, akta itu juga hanya terpakai kepada

badan penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Dalam pada masa sama, mereka yang ingin dedahkan perkara yang melibatkan kerajaan akan terikat dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

“Oleh itu, dari segi moralnya mereka lakukan tindakan betul (dedah penyelewengan), namun dari segi perundangan mereka telah lakukan kesalahan kerana dedahkan perkara di bawah OSA,” katanya.

Menurut Mohd Azizuddin, di Barat juga rakyat mereka tidak berani untuk menjadi *whistleblower* sekiranya melibatkan badan kerajaan kerana takut akhirnya dihukum di bawah OSA.

“Dalam urusan pentadbiran kerajaan banyak hal yang perlu dirahsia terutamanya dalam soal keselamatan, namun kerajaan perlu ada semak dan imbang bagi membolehkan pihak yang mengesan penyelewengan itu berani untuk tampil memberi maklumat.

“Sekiranya kerajaan tidak cari mekanisme terbaik, *whistleblower* ini akan pergi kepada media atau pembangkang dan mereka akan sembunyi tangan, seperti mana yang berlaku hari ini,” katanya.

Sabtu lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar memberi jaminan pemberi maklumat yang benar akan dilindungi di bawah undang-undang di negara ini.

Beliau turut berharap agar maklumat yang disampaikan kepada umum perlulah daripada sumber sah.